

Headline	Cara lain tambah pendapatan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	21
ArticleSize	276 cm <sup>2</sup>	Journalist	Hairulazim
PR Value	RM 30,462		



# Cara lain tambah pendapatan

■ Dr M syor kerajaan kurangkan  
kos belanja berbanding naik cukai

Oleh **Hairulazim Mahmud**  
azim@mediaprima.com.my  
**Kuala Lumpur**

Headline	Cara lain tambah pendapatan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	21
ArticleSize	276 cm <sup>2</sup>	Journalist	Hairulazim
PR Value	RM 30,462		

**T**un Dr Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan boleh menambah pendapatan negara dengan mengurangkan kos perbelanjaan bukan melalui kenaikan cukai semata-mata.

Sambil memberikan analogi pengurusan perniagaan, mantan Perdana Menteri berkata, apabila wujud persaingan atau kos pengeluaran yang menurunkan keuntungan maka pilihan yang ada antaranya mengurangkan kos atau menaikkan harga.

Bagaimanapun katanya, pada tahap tertentu kenaikan harga tidak dapat dielakkan tetapi akan mengakibatkan pengurangan jualan dan keuntungan.

“Tetapi adalah jauh lebih baik kerajaan mengurangkan kos dan mengekalkan atau meminimumkan kenaikan harga. Semua kos boleh dikaji semula dengan mengutamakan yang perlu.

“Kita mesti menerima hakikat kerajaan memerlukan lebih wang dari semasa ke semasa tetapi adakah wajar kenaikan setinggi yang dimaklumkan kerajaan. Ini yang dikenali sebagai ‘cost down’ atau pengurangan kos,” katanya melalui entri terkini di blog peribadinya, [www.chedet.cc](http://www.chedet.cc) semalam.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sering kali berbelanja tanpa menghiraukan pulangannya dalam apa jua bentuk.

Setiap tahun katanya, Ketua Audit Negara melaporkan pembaziran dan ketirisan akibat kecuaian serta prosedur yang tidak betul tetapi tidak banyak perubahan dilakukan berikutan laporan berkenaan.

“Tidak dinafikan banyak wang negara dapat diijamatkan sekiranya Laporan Audit Negara diambil serius, sekurang-kurangnya mengubah prosedur boleh mengurangkan kos,” katanya.

Katanya, sekiranya kerajaan benar-benar mahu mengurangkan kos, ia boleh dilaksanakan dengan cara yang paling ketara seperti menukar penggunaan mentol kepada teknologi LED di jalan raya kerana penjimatan itu melebihi 50 peratus.

Susulan itu, jelas beliau, langkah berjimat itu, dapat mengu-



“ Tidak dinafikan banyak wang negara dapat diijamatkan sekiranya Laporan Audit Negara diambil serius”

Dr Mahathir

rangkan jumlah subsidi ke atas bekalan tenaga.

“Tetapi ini tidak dilaksanakan kerajaan, kos awal mungkin tinggi tetapi simpanan akan mengurangkannya,” katanya.

Sehubungan itu, kata Dr Mahathir, kajian kenaikan termasuk cukai perlu dikaji dengan teliti.

Katanya, kenaikan tarif elektrik itu sewajarnya dibuat secara berperingkat bagi mengelakkan industri yang sudah memeterai perjanjian pengeluaran menanggung kerugian besar.

“Kenaikan tarif elektrik pada kadar 15 peratus adalah satu perubahan besar. Kerugian pemain industri akibat kenaikan tarif elektrik itu akan menyebabkan mereka membayar cukai korporat yang lebih rendah akibat tidak mendapat keuntungan besar.

“Kenaikan tarif boleh dilakukan secara berperingkat seperti enam peratus setahun untuk tempoh tiga tahun atau lebih lama. Jika formula itu digunakan, peningkatan sebenarnya boleh mencecah 18 peratus berbanding 15 peratus yang diperkenalkan kerajaan sekarang,” katanya.

Dr Mahathir berkata, melalui kaedah itu, kerajaan boleh menikmati kadar kenaikan lebih dari 15 peratus tanpa menanggung apa-apa kerugian, sebaliknya melengahkan kadar kenaikan terbabit.